

PROSIDING **SEMINAR** **KEBANGSAAN** **SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang

Dengan Kerjasama



Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur

JILID 1



UNIVERSITI SWASTA – HALATUJU, TINDAKAN DAN PERLAKSANAAN KE ARAH PEMBENTUKAN UNIVERSITI BERTARAF DUNIA

RUSINAH SIRON, ABU BAKAR SEDEK B. ABDUL JAMAK, NURADLI RIDZWAN SHAH, MOHD
AMIN HJ. TASRIPAN
Universiti Tenaga Nasional, Km 7, Jalan Kajang-Puchong, 43000 Kajang, selangor.

ABSTRAK

Sektor pendidikan tinggi awam dan swasta di Malaysia telah melalui perubahan yang pesat selari dengan pertumbuhan negara Malaysia sebagai Negara Perindustrian Baru. Di Malaysia, sebelum dasar Ekonomi Baru diperkenalkan, tiada penglibatan swasta dalam pembangunan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan, kerana pendidikan swasta hanya tertumpu kepada penyediaan tempat pelajar yang tidak dapat memasuki sekolah kerajaan. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah merangsangkan lagi pendidikan swasta di Malaysia. Pertumbuhan yang pesat dalam sektor IPTS dapat dilihat beberapa implikasi terhadap merealisasikan kualiti pendidikan ke tahap yang tertinggi dan merangsang pertumbuhan ke arah pembangunan universiti korporat bertaraf dunia. Ini selaras dengan misi dan visi universiti swasta yang ingin menjadikan universiti swasta di Malaysia setanding dan setaraf dengan universiti-universiti bertaraf dunia. Kertas kerja ini ingin membincangkan tentang halatuju, tindakan dan pelaksanaan yang perlu dilakukan dalam usaha untuk membentuk perubahan ke arah pembentukan universiti swasta bertaraf dunia.

Kata Kunci: Universiti Swasta, Universiti Terbaik di Asia, Strategi Pemasaran, Pelaksanaan.

PENGENALAN

Sektor pendidikan tinggi awam dan swasta di Malaysia telah melalui perubahan yang pesat selari dengan pertumbuhan negara Malaysia sebagai sebuah Negara Perindustrian Baru (New Industrialised Countries), dan ini sudah tentu memerlukan fokus yang lebih relevan dalam memperkatakan mengenai kecemerlangan dan pembentukan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bertaraf dunia khususnya universiti-universiti swasta di Malaysia. Sebagaimana yang diketahui, universiti-universiti swasta di Malaysia diterajui oleh badan-badan korporat yang terbesar dan terkemuka di Malaysia seperti Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) diterajui oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), Universiti Multimedia diterajui oleh Telekom Berhad, Universiti Teknologi Petronas (UTP) diterajui oleh PETRONAS Berhad dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) adalah di bawah pengurusan organisasi KUB Berhad. Perubahan pesat di dalam sektor institusi pendidikan tinggi swasta di Malaysia boleh dilihat seperti berikut:

Pertama, di Malaysia sebelum Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan, tiada penglibatan swasta dalam pembangunan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan kerana pendidikan swasta hanya tertumpu kepada penyediaan tempat bagi pelajar yang tidak dapat memasuki sekolah kerajaan. Dalam tahun 1970-an, institusi pendidikan swasta lebih tertumpu kepada penyediaan program pra-universiti. Kemudian, dalam tahun 1980-an institusi pendidikan swasta memfokuskan aktiviti dalam menyediakan pendidikan tinggi terutama kelulusan dari luar negara dan kelayakan profesional. Tahun 1990-an pula melihat penglibatan yang aktif oleh IPTS dalam penubuhan institusi pengajian tinggi swasta termasuk universiti swasta, kampus cawangan dan "program 3+0". Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah merangsangkan lagi pendidikan swasta di Malaysia. Di bawah Seksyen 21, universiti swasta/kampus cawangan/kolej univiersiti boleh ditubuhkan dengan kelulusan Menteri Pendidikan.

Kedua, enrolmen pelajar di IPTS terus meningkat kepada 182,000 dalam tahun 1998 (Raya Communications, 1999) dengan jumlah IPTS yang berdaftar dianggarkan sebanyak 527 (Kamal Salleh, 1999). Sehingga tahun 1999 terdapat enam buah universiti swasta/kampus cawangan yang telah didaftarkan di bawah Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia. Statistik ini terus menunjukkan peningkatan dengan bilangan IPTS sehingga 31 Mei 2001 menunjukkan bahawa bilangan IPTS bertaraf universiti telah meningkat kepada 10 buah dengan bilangan pelajar seramai 20,839 orang. Jumlah

keseluruhan IPTS yang diluluskan operasinya oleh Kementerian Pendidikan ialah 666 buah organisasi dengan bilangan pelajar seramai 232,069 orang, manakala bilangan tenaga pengajar adalah seramai 9,395 orang (Buletin Jabatan Pendidikan Swasta, 2001)[1]. Hasil penyelidikan yang dilaksanakan oleh Raya Communications (1999) untuk Kementerian Pembangunan Usahawan, menunjukkan fokus utama bidang pengajian di IPTS adalah Komputer dan Teknologi Maklumat, Perniagaan dan Pengurusan serta Kewangan dan Perakaunan. Penglibatan swasta dalam pembangunan IPT yang begitu pesat sekali dalam tahun 1990-an ini adalah selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan pendidikan sebagai bidang yang strategik dalam pembangunan negara. Statistik calon yang memohon dan berjaya bagi program lepasan SPM/SPMV bagi sesi akademik 1999/2000 menunjukkan daripada jumlah permohonan di Unit Pusat Universiti (UPU) seramai 130,942 orang, hanya 42,059 orang calon sahaja yang berjaya ke IPTA manakala seramai 88,883 orang calon telah gagal mendapat tempat di IPTA. Oleh yang demikian, adalah penting bagi institusi pendidikan tinggi tempatan meningkatkan kapasitinya untuk memenuhi permintaan yang kian bertambah dan seterusnya menggalakkan pendidikan sebagai industri eksport [2].

Ketiga, pada tahun 1995 terdapat 127,569 pelajar di IPTS dengan kadar pertumbuhan sebanyak 4.4% , manakala dalam tahun 1996, kadarnya telah meningkat kepada 8 % dan pada tahun 1997, meningkat pertumbuhan sebanyak 17.2%. Pada tahun 1998 bilangan enrolmen pelajar yang menuntut di IPTS adalah seramai 182,000 orang manakala enrolmen pelajar-pelajar IPTA adalah seramai 136,689 orang. Sumbangan IPTA dalam pembangunan pendidikan tinggi negara mengikut enrolmen pelajar hanya 43 peratus sahaja berbanding dengan sumbangan IPTS dalam pembangunan pendidikan tinggi iaitu 57 peratus (Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke Tujuh dan Raya Communications, 1999) [3]. Laporan Kementerian Pendidikan (1998) menyatakan bahawa terdapat 527 buah IPTS yang telah diluluskan operasinya di Malaysia, di mana daripada jumlah tersebut sebanyak 364 buah IPTS telah didaftarkan dan mendapat lesen sah untuk beroperasi. Jumlah IPTS meningkat kepada 666 buah pada tahun 2001 (Buletin Pendidikan Swasta, 2001)[1]. Perbandingan enrolmen pelajar di IPTS pada tahun 1998 menunjukkan bilangan tertinggi IPTS terdapat di Wilayah Persekutuan dengan jumlah sebanyak 142 buah, diikuti oleh Selangor sebanyak 124 institusi. Kombinasi kedua-dua buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan dan Selangor telah meliputi 50% pasaran pelajar-pelajar IPTS di seluruh Malaysia [4].

Keempat, dari kajian yang dijalankan oleh Raya Communication (1999) menunjukkan dari aspek pembiayaan, 77% pelajar yang belajar di IPTS membiayai sendiri pendidikan mereka, 18% mendapat pinjaman daripada bank-bank di Malaysia dan juga mendapat tajaan daripada badan-badan swasta, manakala 5% dari sumber pembiayaan adalah daripada pinjaman dari kerajaan seperti pinjaman daripada Majlis Amanah Rakyat Malaysia (MARA) dan sebagainya. [5]

Kelima, tarikan daripada pelajar-pelajar asing juga telah meningkatkan pertumbuhan IPTS dengan pertambahan bilangan pelajar-pelajar asing yang mendaftar di IPTS di negara ini. Menurut perangkaan Jabatan Pendidikan Swasta (JPS), Kementerian Pendidikan (1998), jumlah pelajar antarabangsa di IPTS berdasarkan pas pelajar yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen ialah seramai 752 orang pada tahun 1996. Jumlah ini telah meningkat kepada 1,329 orang pelajar pada tahun 1997. Pada tahun 1998 pula terdapat seramai 5,289 orang pelajar asing mengikuti pengajian di IPTS, manakala dari bulan Januari sehingga bulan Mei tahun 1999, terdapat seramai 2,461 pelajar asing yang telah mendaftar di IPTS. Pertambahan bilangan pelajar-pelajar asing yang menuntut di IPTS di negara ini, telah membuka satu lagi era baru ke arah kecemerlangan mutu pendidikan negara. Dengan pendemokrasian pendidikan dan dasar terbuka yang diamalkan di mana IPTS dibenarkan berkembang dengan pesatnya adalah baik untuk pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kemahiran sumber tenaga (Kamal Salleh, 1999) [6].

UNIVERSITI-UNIVERSITI TERBAIK DI ASIA

Universiti-universiti swasta di Malaysia mempunyai misi dan visi yang mempamerkan harapan untuk menjadi antara universiti yang terkemuka di dunia, contohnya Visi Universiti Tenaga Nasional adalah “untuk menjadi sebuah universiti terkemuka di dunia dalam bidang kejuruteraan, teknologi maklumat, pengurusan bisnes dan bidang-bidang yang berkaitan”. Manakala misi Universiti Tenaga Nasional ialah “Institusi yang berhasrat untuk menyediakan dan mengeluarkan para cendekiawan, profesional dan pakar dalam bidang masing-masing yang memberi kepimpinan dan mampu menjadi pemangkin ke arah pembangunan dan pembaharuan untuk kesejahteraan sejagat”. Dengan yang demikian, usaha untuk merealisasikan misi dan visi tersebut perlulah memfokuskan kepada landasan ke arah kecemerlangan pendidikan. Mempelajari kejayaan dan kewibawaan universiti-universiti yang terbaik di Asia adalah sebagai satu landasan yang memfokuskan kepada kecemerlangan dan pembinaan reputasi yang unggul di dalam dunia pendidikan

tinggi. Jadual 1 menunjukkan 5 buah universiti yang terbaik di Asia bagi tahun 2000 dalam kategori pelbagai disiplin akademik [7].

Jadual 1: Lima Buah Universiti Terbaik di Asia Bagi Tahun 2000

Universiti	Skor Keseluruhan	Reputasi Akademik	Selektiviti Pelajar	Sumber dan Kemudahan Fakulti	Penyelidikan	Sumber Kewangan
	100%	20%	25%	25%	20%	10%
Kyoto University (Japan)	83.17	20	25	20.49	11.48	6.20
Tohoku University (Japan)	83.05	16.47	24.45	21.10	13.58	7.44
University of Hong Kong (Hong Kong)	82.55	17.57	24.11	22.27	10.47	8.13
Seoul National University (Korea Selatan)	81.96	19.17	24.99	19.63	12.15	6.02
National University of Singapore (Singapura)	77.96	19.13	23.59	18.94	10.22	6.07

Daripada Jadual 1 di atas, boleh memperlihatkan bahawa elemen-elemen penting untuk menjadi pengukuran sebagai universiti terbaik adalah seperti berikut:

1. Reputasi Akademik

Pengukuran Reputasi Akademik universiti dibuat dengan meminta maklum balas daripada kakitangan universiti ke atas kakitangan yang lain. Aspek ini merangkumi aspek-aspek yang berfokuskan komitmen kerja, pengajaran-pembelajaran dan pelbagai aspek yang merangkumi reputasi akademik universiti.

2. Selektiviti Pelajar

Aspek-aspek di dalam Selektiviti Pelajar adalah bilangan pelajar tahun pertama yang diterima masuk berbanding dengan bilangan pelajar yang memohon masuk, bilangan kemasukan pelajar dibandingkan dengan pelajar yang telah diterima masuk dan skor median pada pelajar tahun pertama di dalam peringkat ujian kebangsaan atau peringkat universiti.

3. Sumber dan Kemudahan Fakulti

Sumber-sumber serta kemudahan adalah diukur dari pensyarah atau penyelidik sepenuh masa dengan Ijazah Doktor Falsafah, atau berkelulusan Sarjana dan Doktor Falsafah, gaji median, peruntukan perbelanjaan bagi setiap pensyarah dan nisbah pensyarah-pelajar.

4. Penyelidikan

Universiti yang terbaik di Asia memfokuskan penyelidikan sebagai budaya yang perlu diterapkan kepada semua kakitangan akademik dan kecemerlangan universiti banyak bergantung kepada aspek penyelidikan dan pembangunan penyelidikan. Elemen-elemen yang menjadi pengukuran adalah seperti penulisan di jurnal-jurnal akademik seperti di dalam Journal Citation Index, peer-reviewed journals, pembentangan kertas kerja di peringkat konferen antarabangsa, penerbitan buku-buku, dana penyelidikan dan pelajar-pelajar diperingkat sarjana.

Sumber Kewangan


Aspek ini diukur melalui peruntukan perbelanjaan yang disediakan bagi setiap pelajar, peruntukan perbelanjaan perpustakaan yang disediakan bagi setiap pelajar, Internet bandwidth, penggunaan komputer awam dan connection points, dan peruntukan perbelanjaan makmal bagi program sains dan teknologi.

Dengan yang demikian, dalam usaha untuk menuju ke arah kecemerlangan dan bertaraf dunia, universiti-universiti swasta di Malaysia perlulah memfokuskan kepada elemen-elemen utama yang menjadi landasan kepada kecemerlangan universiti seperti ciri-ciri yang difokuskan di dalam kategori universiti terbaik di Asia.

PEMBENTUKAN UNIVERSITI BERTARAF DUNIA

Dalam usaha untuk melaksanakan hasrat untuk menjadi universiti bertaraf dunia, empat proses utama telah dikenalpasti yang menjadi dimensi utama ke arah pembentukan universiti bertaraf dunia seperti yang ditunjukkan di Rajah 1[8].

Rajah 1: Pembentukan Universiti Bertaraf Dunia



Proses 1 – Sistem Pengetahuan

Teknologi perkomputeran dan informasi menjadi revolusi di dalam menguji keupayaan universiti-universiti swasta bersaing di arena antarabangsa. Keupayaan dan kepakaran di dalam penggunaan komputer dan teknologi maklumat menjadi nadi kepada landasan ke arah kecemerlangan di dalam pendidikan dan pengurusan universiti melalui pengkalan data, sistem kepakaran dan perisian-perisian pintar di dalam pentadbiran organisasi. Universiti swasta yang ingin menuju ke arah bertaraf dunia perlulah mempunyai kekuatan di dalam teknologi perkomputeran dan informasi dan pembangunan perkomputeran ini perlulah berterusan dan menuju kepada produktiviti yang tinggi. Kenyataan Global Learning (1998) mengenai fokus sesebuah universiti yang ingin menuju ke taraf dunia perlu diberi perhatian serius di mana sebahagian daripada kenyataan berikut adalah: [9]

“A function or department that is strategically oriented toward integrating the development of people as individuals with their performance as teams and ultimately as an entire organisation: by linking with suppliers, by conducting wide-ranging research, by facilitating the delivery of content and by leading the effort to build a superior leadership team”

Penggunaan komputer yang hebat di dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi universiti swasta adalah bermatlamat untuk meningkatkan reputasi universiti daripada segi kecanggihan di dalam arena pengajaran dan pembelajaran dan juga menjadi sumber di dalam pencarian maklumat dan pembangunan oleh pelajar dan kakitangan-kakitangan universiti. Dengan ini, aspek kepercayaan dan kekaguman warga universiti dengan kecekapan dan kehebatan teknologi perkomputeran yang ada di universiti tersebut akan dengan sendirinya menjadi “promosi” kepada reputasi universiti swasta tersebut.

2. Proses 2 – Sistem Pembelajaran

Sistem pembelajaran dan pengajaran yang terbaik di persekitaran universiti adalah menjadi teras kepada reputasi sesebuah universiti. Sistem pembelajaran dan pengajaran perlulah berteraskan kepada beberapa komponen utama:

Budaya pembelajaran di universiti perlulah mengikut kepada penyesuaian dengan kehendak dan keperluan semasa melalui program-program yang ditawarkan di universiti. Kurikulum yang diikuti oleh pelajar-

pelajar di universiti perlulah memfokuskan kepada kehendak dan keperluan industri awam dan swasta dan menuju kepada landasan negara yang ingin menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju di dalam pelbagai bidang industri dan perkhidmatan. Latihan dan pembangunan kepada pelajar dan kakitangan universiti memerlukan paksi yang berteraskan kepada kecemerlangan dan masa depan universiti. Dengan yang demikian, hala tuju dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran adalah sentiasa memenuhi permintaan dan penawaran ekonomi dan situasi semasa.

Inspirasi yang ingin dicapai perlulah selaras dengan inspirasi dan kehendak masyarakat dan negara. Inspirasi kepada kecemerlangan pendidikan negara adalah memenuhi inspirasi setiap kaum di Malaysia dan penyesuaian dengan tuntutan hidup semasa. Dengan ini, universiti swasta akan sentiasa menjadi tumpuan pelbagai kaum untuk menimba ilmu dengan membawa inspirasi dan motivasi yang berbeza dan menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan kesejahteraan organisasi di dalam merealisasikan visi untuk menjadi universiti terkemuka di dunia.

Komitmen pihak pengurusan atasan dan pentadbiran universiti untuk merealisasikan visi dan misi universiti ke arah pembinaan reputasi yang cemerlang adalah teras yang paling utama kepada kejayaan organisasi. Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh pihak pentadbiran atasan universiti akan mewujudkan budaya kerja yang positif dan meningkatkan komitmen pensyarah, kakitangan bukan akademik dan pelbagai pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

3. Proses 3 – Network dan Perkongsian

Membina talian perhubungan dengan perkongsian pintar dengan sumber dalaman organisasi, sumber luaran organisasi dan persekitaran organisasi seperti organisasi awam dan swasta, pertubuhan sosial dalam dan luar negara serta masyarakat dan komuniti tempatan dan luar negara merupakan aspek penting di dalam membina rangkaian profesionalisme masyarakat kampus dan luar kampus.

Proses 4 – Kemanusiaan dan Kemasyarakatan

Tidak akan ada kejayaan tanpa usahasama yang kukuh di antara masyarakat kampus dan masyarakat luar kampus. Kerjasama erat dan profesional perlulah dibentuk dalam masyarakat kampus dalam usaha untuk membina nama baik dan reputasi erat dengan masyarakat luar kampus. Dengan yang demikian, nama baik universiti akan terpelihara dan menjadi rujukan kepada setiap masyarakat dalam dan luar negara.

TINDAKAN DAN PERLAKSANAAN KE ARAH PEMBENTUKAN UNIVERSITI SWASTA BERTARAF DUNIA

Tindakan-tindakan dan pelaksanaan ke arah pembentukan universiti swasta bertaraf dunia perlulah memenuhi ciri-ciri seperti berikut sebagai panduan membina kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia:

Kepimpinan dan Perubahan

Kepimpinan universiti perlulah teguh dan berwibawa bagi merealisasikan misi dan visi universiti. Setiap pemimpin organisasi perlulah mempunyai gaya kepimpinan yang inovatif, kreatif dan agresif bagi meningkatkan perubahan-perubahan yang positif ke arah masa depan universiti yang cemerlang.

Pengurusan Kerja dan Kakitangan

Pengurusan kerja dan struktur organisasi perlulah mantap dan tidak bersifat birokratik. Dengan yang demikian pengurusan kakitangan akan menjadi cekap dan efisien. Keefisienan pengurusan kakitangan dan pengurusan kerja akan memantapkan pengurusan organisasi.

Pengetahuan dan Pembelajaran

Sistem pembelajaran dan pengetahuan di universiti perlulah menggunakan teknologi yang sophisticated dan up-to-date selari dengan dunia pembangunan informasi maklumat masa kini.

Persaingan dan Strategi

Universiti swasta perlulah melihat persaingan dengan universiti swasta lain, kolej-kolej swasta dan kategori IPTS lain sebagai satu persaingan yang sihat dan ke arah memantapkan lagi reputasi dan kewibawaan universiti untuk memberikan yang terbaik untuk pelanggan. Imej universiti adalah merupakan persaingan yang paling utama yang perlu dipertingkatkan. Imej universiti dan reputasi unggul yang terbina daripada

kecemerlangan universiti itu merupakan satu strategi persaingan yang perlu di dalam menarik ke arah pembinaan kecemerlangan di dalam pendidikan dan membina keunggulan universiti tersebut sehingga menjadi sebutan disetiap lapisan masyarakat tempatan dan antarabangsa seperti nama-nama besar di dalam pendidikan tinggi iaitu Universiti Cambridge, Universiti Harvard, Universiti Yale dan banyak lagi universiti terkemuka yang menjadi rujukan masyarakat.

Keuntungan dan Kewangan

Kecemerlangan dan kejayaan universiti swasta bukan sahaja diukur daripada segi kualiti dan reputasi tetapi keuntungan dan kewangan yang mantap bagi tujuan untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan universiti.

E-Perdagangan


Pihak universiti perlulah memfokuskan kepada pembelajaran elektronik dan promosi pendidikan berteraskan elektronik di dalam perkhidmatan dan pembelajaran. Dengan yang demikian, program-program seperti program jarak jauh berteraskan elektronik dan e-learning perlu diperkenal dan diperluaskan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Pemasaran dan Penjualan

Universiti swasta perlu memformulasikan kenyataan mengenai visi dan misi sebagai teras di dalam halatuju universiti. Posisi universiti melalui penjenamaan seperti "UTM: A Discovery University" perlu ditekankan di mata pelanggan dan masyarakat. Shirley (1983) menjelaskan bahawa adalah perlu IPT memikirkan enam strategi pembolehubah pada peringkat korporat iaitu misi asas institusi, kumpulan sasaran, tujuan dan objektif institusi, program dan perkhidmatan, keluasan perkhidmatan geografikal dan perbandingan kelebihan dalam menghadapi persaingan [10].

Produk dan Perkhidmatan

Perlaksanaan pemasaran moden perlu pengsejmenan oleh pihak universiti mengikut kehendak dan keperluan pelanggan. Di dalam memasarkan produk dan perkhidmatan di IPT, strategi campuran sangat perlu bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan iaitu Strategi Produk seperti kursus, subjek, pilihan kursus dan perkhidmatan pelajar, Strategi Harga seperti biasiswa, pinjaman, bursari, kelayakan kemasukan dan sebagainya, Strategi Promosi iaitu iklan, jualan secara langsung, perhubungan awam dan pemasaran terus dan Strategi Tempat iaitu perkhidmatan, lokasi, gaya mengajar dan waktu perkuliahan. Selain itu masyarakat kampus seperti pegawai-pegawai universiti, kakitangan sokongan dan pensyarah merupakan agen-agen penjual yang memainkan peranan di dalam memasarkan produk dan perkhidmatan. Gambarajah 1 menunjukkan kedudukan sebenar bagi perhubungan antara campuran pemasaran dengan persekitaran dan pelanggan universiti.



Gambarajah 1: Pemegang Hak (stakeholders) Dalam Industri Pendidikan

Perdagangan Antarabangsa

Berdaya saing diperingkat antarabangsa perlu bagi menonjolkan imej universiti dipasaran antarabangsa. Danko (1986) menyatakan bahawa perlunya membangkitkan penilaian universiti dengan menggunakan surat perakuan (testimonials) dari bekas pelajar sebagai bahan rujukan dan promosi [11]. Bagi

meningkatkan perdagangan antarabangsa, universiti swasta perlu membuat networking dan membina hubungan kerjasama dengan universiti yang bertaraf dunia dan menjalankan program-program berkembar dalam jangkamasa tertentu.

KESIMPULAN

Hala tuju IPTS secara amnya dan universiti swasta di Malaysia khasnya perlulah berfokuskan kepada kecemerlangan pendidikan untuk agama, bangsa dan negara. Dengan yang demikian, memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat dan negara di dalam pasaran kerja, kecemerlangan kualiti pendidikan dan merealisasikan misi dan visi ke arah menjadi universiti terkemuka di dunia perlulah menjadi landasan kepada halatuju universiti swasta. Berdasarkan kepada perkembangan pesat IPTS dan kehendak serta keperluan masyarakat terhadap pendidikan tinggi, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta khususnya universiti swasta perlulah memastikan program-program yang dijalankan dapat sentiasa memenuhi keperluan tenaga kerja yang berilmu serta yang mempunyai keupayaan-keupayaan yang diperlukan oleh sektor-sektor seperti industri dan perdagangan. Antara May 1998 – May 2000, telah dikenalpasti sebanyak 1,826 projek perkilangan telah diluluskan yang memberi peluang pekerjaan sebanyak 172,463 kepada bakal-bakal graduan dan rakyat Malaysia lain amnya. Kategori-kategori pekerjaan yang ditawarkan ialah [12]:

Pengurusan, penyeliaan dan teknikal 9,285 (5.4%), Pekerja-pekerja Mahir 87,669 (50.8%), Lain-lain (Tidak mahir, perkeranian, jualan) 75,505 (43.8%), Elektrik dan Elektronik 65,659 (38.1%), Kayu, Perabot dan Peralatan, 25,717 (14.9 %), Kimia, Petroleum dan Petrokimia 16,224 (9.4%), Logam Difabrikasi (termasuk mesin) 13,712 (7.9%), Tekstil dan barangan tekstil, 10,018 (5.8%), Peralatan pengangkutan 9,392 (5.4 %), Barangan getah 6,979 (4.0 %), Produk-produk logam asas 5,483 (3.2 %). Melihat kepada potensi peluang-peluang pekerjaan dipelbagai sektor awam dan swasta, institusi pendidikan tinggi swasta khususnya universiti-universiti swasta di Malaysia mengambil peluang ini untuk membangunkan kepakaran sains dan teknologi serta pengurusan perniagaan bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa industri-industri di Malaysia. Keadaan ini boleh dicapai dengan membangunkan teknologi dan kepakaran yang sedia ada beserta dengan teknologi-teknologi yang diimport bagi meningkatkan lagi kemahiran dan kepakaran graduan-graduan di universiti swasta.

Dengan yang demikian, masyarakat akan melihat daripada pelbagai perspektif di dalam menilai kecemerlangan dan keunggulan sesebuah universiti swasta tersebut iaitu daripada program-program yang dijalankannya, pengiktirafan kerajaan dan antarabangsa kualiti graduan-graduan yang dikeluarkan oleh universiti berkaitan, moral dan etika pelajar-pelajar dan kakitangan, infrastruktur dan kemudahan yang sesuai mengikut imej yang ditonjolkan, kecemerlangan kakitangan akademik, proses pengajaran dan pembelajaran serta pelbagai program-program kemasyarakatan yang boleh meningkatkan nama baik universiti swasta di mata masyarakat tempatan dan dunia.

Oleh yang demikian, sudah sampailah masanya pihak pengurusan dan pentadbiran universiti-universiti swasta melihat perkara-perkara berikut dan perlu diberi perhatian serius bagi menjadikan universiti swasta bertaraf dunia iaitu komitmen pihak pengurusan atasan universiti yang menunjukkan kepimpinan yang padu dan berwibawa di dalam merealisasikan visi dan misi universiti, pembentukan perkongsian pendidikan dengan badan-badan kerajaan dan korporat khususnya di dalam melahirkan graduan-graduan yang memenuhi aspirasi dan kehendak agama, bangsa dan negara. Disamping itu teknologi pendidikan dan pengoperasian universiti sebagai perdagangan komersial perlulah dilihat sebagai satu langkah positif ke arah membentuk kecemerlangan universiti swasta. Dengan itu halatuju, tindakan dan pelaksanaan perlulah selaras dan bergerak mengikut landasan secara profesional untuk merealisasikan usaha menjadikan universiti swasta bertaraf dunia.

- [1] Buletin Jabatan Pendidikan Swasta (2001). Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [2] Raya Communication (1999). Kajian Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Kementerian Pembangunan Usahawan.
- [3] Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke Tujuh. (1999). Percetakan Nasional.
- [4] Laporan Kementerian Pendidikan (1998). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- [5] Raya Communication (1999). Kajian Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Kementerian Pembangunan Usahawan.

- [6] Kamal Salleh (1999). Pendidikan Sektor Swasta. Sumbangan dan Cabaran. Kertas Kerja Seminar Halatuju Pendidikan Tinggi, Universiti Putra Malaysia.
- [7] Asia's Best Universities 2000.
<http://www.asiaweek.com/asiaweek/features/universities2000/schools/multi.acrep.html>
- [8] Prince, C. dan Beaver, G. (2000). Facilitating Organisational Change: The Role and Development of the Corporate University. *The Internet Journal of Strategy and Planning*, m.s. 1-14.
- [9] Global Learning (1998). The Uses and Misuses of the Term "Corporate University".
- [10] Shirley, R.C. (1983). Identifying the levels of strategy for a College or University. *Long Range Planning*.
- [11] Danco, W.D. (1986). Attracting the mature student: The case for community colleges. *Journal of Professional Services Marketing*, 2.
- [12] Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB4) "Cabaran Milenium Baru" pembentangan kertas kerja bertajuk "Pembangunan Pendidikan Dan Gunatenaga Bagi Memenuhi Keperluan Agenda Bumiputera" oleh Ybhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Salleh Hj. Din, Timbalan Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia, 10 – 11 Sept. 1999.